

150 pelajar didedah kursus ditawarkan UPM

SERDANG: Selari dengan matlamat untuk memotivasikan pelajar sekolah untuk menyambung pelajaran ke universiti, Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri-Isteri (Bakti) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) menganjurkan program Selangkah ke Universiti 2012.

Program dua hari berakhir semalam itu menyasarkan pelajar luar bandar bertujuan memberikan maklumat mengenai peluang ke universiti serta peluang kerjaya pelbagai kursus di UPM apabila menamatkan pengajian kelak.

Pengerusi Jawatankuasa Program, Datin Seri Dr Aishah Salleh berkata, 17 sekolah luar bandar sekitar

Lembah Klang menyertai program terbabit dengan jumlah pelajar 150 orang.

Katanya, pelajar itu didedahkan dengan suasana kampus di UPM dengan melawat Makmal Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Kompleks Perkhidmatan Makanan, Hospital Veterinar Universiti, stesen radio Putra FM, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi dan Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi (iDEC).

Menurut beliau, pihaknya berharap melalui program itu, pelajar luar bandar yang datang daripada keluarga tidak pernah ke universiti akan mendapat motivasi untuk belajar.